



## **Kerajaan Pulau Pinang belum buat keputusan projek terowong dasar laut**

November 24, 2022 @ 1:17pm

GEORGETOWN: Kerajaan Pulau Pinang masih belum menerima maklum balas dan ulasan daripada dua agensi penting berhubung kajian kebolehlaksanaan projek terowong dasar laut.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan negeri, Zairil Khir Johari, berkata kerajaan negeri telah menghantar surat peringatan kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan Penang Port Sdn Bhd (PPSB) pada Mac lepas berhubung perkara itu.

Beliau berkata, maklum balas dan ulasan itu bagi membolehkan kerajaan negeri membuat keputusan mengenai pelaksanaan projek berkenaan.

"Tempoh kajian mengambil masa yang lama adalah kerana ia melibatkan beberapa agensi swasta dan Persekutuan.

"Kita juga menunggu ulasan bertulis daripada dua agensi penting bagi membolehkan kerajaan negeri membuat keputusan mengenai pelaksanaan projek berkenaan," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), di sini hari ini.

Menjawab soalan Datuk Muhamad Yusoff Mohd Noor (BN-Sungai Dua) berhubung draf laporan kajian kebolehlaksanaan terowong dasar laut itu, katanya, kerajaan negeri dijangka mengadakan mesyuarat bersama SPPP pada awal Disember ini bagi membolehkan keputusan diambil.

Beliau berkata, laporan kajian kebolehlaksanaan terowong dasar laut telah dibentangkan kepada kerajaan negeri pada April lalu yang pada dasarnya menyatakan terowong dasar laut itu boleh dilaksanakan.

"Bagaimanapun, laporan akhir kajian kebolehlaksanaan terowong dasar laut hanya akan diterima setelah ulasan muktamad berkenaan pelan induk pembesaran Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) oleh SPPP dapat diperoleh secara rasmi.

"Buat masa ini, pihak SPPP masih belum memuktamadkan pelan induk pembesaran NBCT," katanya.

Zairil berkata, peralihan projek terowong dasar laut ke fasa reka bentuk tertakluk kepada pengintegrasian reka bentuk jajaran terowong bersama pelan induk pembesaran NBCT yang masih belum dimuktamadkan oleh SPPP.

"Jangka masa pelaksanaan projek terowong dasar laut tertakluk kepada perkara ini. Tiada bayaran dilaksanakan bagi projek terowong dasar laut memandangkan laporan kajian kebolehlaksanaan masih belum dimuktamadkan dan diterima oleh kerajaan negeri.

"Setakat ini, kerajaan negeri hanya melaksanakan bayaran dalam bentuk secara tukar ganti tanah dengan nilai RM208.8 juta bagi pelaksanaan kajian kebolehlaksanaan dan reka bentuk terperinci bagi projek jalan-jalan utama sahaja," katanya.